

## BAB IV

### Kesan terhadap Pendidikan, Bahasa dan Pemikiran

#### Sejarah perubahan pondok tradisional kepada sekolah agama swasta

Sistem pendidikan pondok tradisional mulai muncul di Patani pada awal abad ke-20. Semasa itu Patani dianggap sebagai pusat pendidikan agama Islam yang terkenal di Semenanjung Tanah Melayu. Pelajar-pelajar dari negeri-negeri di Semenanjung telah datang menimba ilmu agama Islam di Patani. Beberapa pelajar tersebut setelah pulang ke negeri masing-masing dan memperkenalkan sistem pendidikan pondok tradisional di tempat asal mereka seperti di negeri Kelantan,<sup>1</sup> Terengganu, Kedah dan Perak. Di Patani sendiri semasa sistem pendidikan pondok tradisional berada di kemuncak. Mengikut catatan oleh pihak berkuasa Siam terdapat sebanyak 497 buah pondok tradisional dalam tahun 1916 jumlahnya turut bertambah menjadi 595 buah dalam tahun 1917. Dari jumlah tersebut pondok kampung Duku juga termasuk di dalam bilangan itu.

Pondok kampung Duku telah diasaskan oleh Haji Mohd. Dahan Bin Mohd. Salleh iaitu salah seorang cucu kepada Wan @ Syed Hussein Bin Sultan Qunbul Al-sanawi, Pengasas Masjid Wadil Hussein. Sebuah masjid kayu yang tertua di Selatan Thailand. Pada peringkat awal Haji Mohd. Dahan

---

<sup>1</sup> Rahim Abdullah, "Pelajaran Pondok di Kelantan", dalam Khoo Kay Kim (Editor), Warisan Kelantan II, Kota Bharu: Perbadan Muzium Negeri Kelantan, 1983) Muka 1

mengajar secara kecil-kecilan dengan menggunakan surau tempat beliau menjadi Imam sebagai tapak pengajaran agama Islam sekitar tahun 1897.<sup>2</sup>

Kemudian setelah anaknya, Haji Mohd. Tahir kembali dari pengajian di tanah suci. Pondok kampung Duku mulai berkembang dengan pesat pelajar-pelajar mulai membanjiri pondok tersebut. Haji Mohd. Tahir telah berpindah tapak pengajaran agama dari tapak surau tempat ayahnya mengajar ke tempat baru yang menjadi tapak sekolah agama swasta sekarang. Tengku Bongsu atau Aishah Binti Tengku Timun, umur 82 tahun<sup>3</sup> mengatakan tapak tersebut telah dianugerahkan oleh Tengku Pek. Raja Daerah yang berkuasa di kota pinggir Kampung Duku. Haji Mohd. Tahir menggunakan rumahnya sebagai tempat pengajaran agama. Semasa Haji Mohd. Tahir atau lebih dikenali dengan nama Tok Duku mengajar agama, terdapat beberapa guru penolong bagi membantu Tok Duku seperti menantunya, Haji Abdul Hamid Bin Haji Abdul Kadir yang juga dari keturunan Wan @ Syed Hussein As-Sanawi. Beliau adalah salah seorang guru agama yang alim dalam bidang ilmu falak, geografi dan genealogi serta mempunyai fikiran yang progresif berbanding guru-guru agama semasa itu.<sup>4</sup> Seorang lagi guru penolong ialah anak saudara Haji Mohd. Tahir yang bernama Haji Shihabuddin atau Syamsuddin. Kemudian Haji Shihabuddin telah

<sup>2</sup> Dari Buku Catatan Sejarah Penubuhan Sekolah Siritham Wittaya.

<sup>3</sup> Pengkaji telah temubual dengan Tengku Aishah Binti Tengku Timun pada 9 Disember 2000 di rumahnya di kawasan kota pinggir Kampung Duku.

<sup>4</sup> Pengkaji telah beberapa kali temubual dengan Almarhum Haji Abdul Hamid Bin Haji Abdul Kadir semasa pengkaji sedang menjalankan Kajian untuk catatan Salasilah Keturunan Wan Hussein As-Sanawi.


mengambilalih peranan dalam pentadbiran pondok kampung Duku setelah Haji Mohd. Tahir meninggal dunia di rumah Pegawai Daerah Bachok secara misteri pada tahun 1948.<sup>5</sup> Beliaulah orang yang berperanan dalam perubahan pondok tradisional kepada sekolah agama swasta.

Pada tahun 1961 Haji Shihabuddin telah mendaftarkan Pondok Kampung Duku mengikut peraturan kerajaan dengan mendapat surat pendaftaran No.10/2504 bertarikh 12 Mei 1961. Pendaftaran tersebut pondok itu dinamakan Pondok Masjid At-Tahiriyah Duku. Ini adalah titik pertama pihak kerajaan mulai campurtangan dalam pengawalan pondok. Kemudian pada 30 November 1965 Haji Shihabuddin telah mengubah status pondok tradisional tersebut dari sebuah pondok yang bernama "*Pondok Masjid At-Tahiriyah Duku*" kepada sebuah sekolah agama swasta bernama "*Maahad Islahuddini*" atau dalam Bahasa Thai dengan nama "*Rongrian Siritham Wittaya*". Nama sekolah tersebut dalam bahasa Thai lebih popular dari nama dalam bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar, guru-guru, ustaz-ustaz dan penduduk Kampung Duku. Pada 3 November 1981 Haji Mukhtar Bin Haji Shihabuddin telah mengganti tempat ayahnya sebagai pemegang lesen sekolah, guru besar sekolah dan pengurus sekolah.<sup>6</sup> Di zaman Haji Mokhtar inilah sekolah agama swasta itu telah mendapat perubahan dari masa ke semasa sehingga tercapai matlamat yang telah dirancang oleh pihak kerajaan dalam menjalankan dasar Siamisasi melalui pendidikan.

<sup>5</sup> Nik Abdul Rakib Bin Haji Nik Hassan, 'Tok Duku: Kematiannya Misteri', dalam *Journal Al-Islamiyah*, College of Islamic Studies Prince of Songkhla University Pattani Campus Vol. 8, 1998 Muka 6-7

<sup>6</sup> Buku Catatan Sejarah Penubuhan Sekolah Siritham Wittaya.

Foto 4. Rumah Tuan Guru Haji Mohd. Tahir atau Tok Duku



Rumah ini adalah tempat mengajar pendidikan tradisional semasa Tok Duku, kemudian pendidikan tradisional disambungkan oleh Haji Abdul Hamid Bin Haji Abdul Kadir. Sekarang pendidikan tradisional tidak lagi dijalankan di rumah tersebut.

### Perubahan pengajian dari sistem pondok tradisional kepada sistem pendidikan kerajaan

Pada peringkat awal pengajian pondok tradisional di Kampung Duku dibahagikan kepada 2 peringkat. Peringkat pertama ialah peringkat menghafal dengan mewajibkan pelajar-pelajar menghafal mata pelajaran seperti nahu dan Saraf. Mereka juga diwajibkan menghafalkan wirid, doa dan yasin. Biasanya mereka akan dijemput ke majlis keagamaan di Kampung Duku dan kampung-kampung sekitarnya. Peringkat kedua ialah peringkat menadah kitab dengan mengikuti pengajaran agama yang telah diajarkan oleh Tok Duku ataupun guru-guru penolongnya.

Semasa Tok Duku mengajar agama di Kampung Duku, beliau menggunakan rumahnya sebagai tempat pengajaran. Pelajar - pelajar perempuan akan tinggal bersamanya. Bagi pelajar - pelajar lelaki mereka tinggal di pondok-pondok masing-masing. Biasanya pelajar - pelajar perempuan akan belajar ilmu bacaan Al-Quran , sebaliknya pelajar-pelajar lelaki selain belajar ilmu Bacaan Al-Quran, mereka juga mengikuti pengajaran kitab-kitab tradisional atau dikenali dengan nama kitab-kitab tua. Disebabkan Tok Duku mempunyai ramai isteri dan semuanya tinggal di rumah yang sama, lalu rumah tersebut dibahagikan kepada 2 bahagian. Beliau membuat giliran di kedua-dua bahagian itu. Di bahagian mana beliau menginap maka di bahagian itulah menjadi tempat beliau mengajar agama. Setelah Haji Mohd. Tahir meninggal dunia, peranan pengajaran agama di rumah tersebut diambilalih oleh Haji Abdul Hamid Bin Haji Abdul Kadir. Beliau lebih dikenali dengan nama *Pak Uda Pondok* atau *Pak Uda Kampung Duku*. Tempat pengajaran agama itu selain di rumah Tuk Duku terdapat

juga rumah anak Tuk Duku, Haji Abdul Rashid Bin Haji Mohd. Tahir dan rumah Haji Shihabuddin dijadikan tempat pengajaran agama bagi pelajar-pelajar pondok tersebut. Di rumah Haji Shihabuddin juga telah menjadi tempat tinggal pelajar - pelajar perempuan seperti rumah Tuk Duku. Haji Abdul Hamid memainkan peranan dalam pengajaran kitab-kitab tradisional atau kitab-kitab tua sebaliknya Haji Shihabuddin lebih memainkan peranan dalam pengajaran pendidikan moden.

Mengikut catatan pihak sekolah tersebut didapati sekolah tersebut telah menerima kurikulum pengajaran agama Islam dari Pejabat pentadbiran pendidikan kawasan II yang merangkumi pentadbiran pendidikan di wilayah-wilayah Melayu . Walaupun begitu mata pelajaran dan sukatan ilmu pengetahuan pihak sekolah tersebut akan dijalankan secara tersendiri. Pihak kerajaan mulai menyerapkan kurikulum pendidikan kerajaan atau pendidikan formal dengan menggunakan kurikulum pendidikan luar sekolah peringkat 3 atau radap 3 yang setaraf dengan pendidikan sekolah rendah. Kurikulum ini mulai dijalankan pada 16 Mei 1969 kemudian pihak kerajaan telah mengembangkan lagi kurikulum pendidikan luar sekolah ke peringkat 3-4 atau radap 3-4 yang setaraf dengan pendidikan sekolah menengah bawah. Kurikulum ini mulai dijalankan pada 16 Mei 1981.<sup>7</sup>

Pihak sekolah telah membuat perubahan sistem pendidikan formal iaitu

<sup>7</sup> Buku Kurikulum Pendidikan Sekolah Srittham wiraya tahun 1980.

dengan mengetepikan “ *kurikulum pendidikan luar sekolah* ” dan ketengahkan

“ *kurikulum pendidikan sekolah menengah bawah tahun 1978* ”. Ia juga telah mengubah sistem pendidikan agama dari kurikulum pendidikan agama yang disusun oleh pejabat pendidikan kawasan II yang kenali dengan nama kurikulum pendidikan agama peringkat Ibtidaiyah, Mutawassitah dan Sanawiyah tahun 1980 kepada kurikulum pendidikan sekolah menengah bawah. Kurikulum ini mulai dijalankan di sekolah ini pada 16 Mei 1986.<sup>8</sup>

Sekolah ini telah mengembangkan kurikulum kerajaan sekali lagi dengan menjalankan pengajaran mengikut kurikulum peringkat sekolah menengah atas tahun 1981. Pengajaran ini mulai dijalankan pada 16 Mei 1990, sekolah ini telah digolongkan ke dalam kategori 15(2) mengikut penilaian dan sukatan Pejabat pendidikan kawasan II. Dengan penggolongan dalam kategori tersebut, pihak kerajaan telah membantu sejumlah kewangan mengikut syarat yang ditetapkan serta menghantar tenaga pengajar dari guru-guru kerajaan sebanyak 3 orang untuk mengajar di sekolah ini. Tetapi sekarang guru-guru kerajaan tersebut telah dikurangkan. Kemudian pihak sekolah telah mengubah statusnya dari penggolongan dalam kategori 15(2) kepada kategori 15(1) pada 1 Mei 1995. mengikut kategori 15(1) ini pihak sekolah agama swasta akan mendapat lebih banyak lagi peruntukan pembangunan dan peruntukan gaji bagi tenaga-tenaga pengajar sekolah itu. Sekarang pihak sekolah telah mendapatkan kebenaran untuk

<sup>8</sup> Buku Kurikulum Pendidikan Sekolah Siritham Winaya tahun 1986.

menjalankan pengajaran mata pelajaran Islam secara integrasi mengikut kurikulum pengajaran Islam tahun 1992 iaitu mata pelajaran agama boleh digabungkan atau disatupadukan ke dalam mata pelajaran kurikulum kerajaan.<sup>9</sup> Ia akan mengeluarkan hanya satu sijil sahaja, bukan sijil pelajaran agama yang diasingkan dari sijil pendidikan kerajaan seperti dahulu. Walaupun begitu sekolah ini belum lagi menjalankan pengajaran secara integrasi tersebut. Dengan itu sekolah ini masih lagi mengeluarkan sijil agama dan sijil pendidikan kerajaan yang berasingan.

Mengikut penyelidikan yang telah dibuat, sekolah agama swasta ini mempunyai konflik dalaman secara halus semenjak awal di antara aliran pendidikan moden yang diketuai oleh Haji Shihabuddin dan seterusnya Haji Mokhtar dengan Aliran pendidikan tradisional yang diketuai oleh Haji Abdul Hamid dan Haji Hamzah. Bin Haji Mohd. Tahir, kemudian Haji Hamzah telah membuka sebuah pondok pengajaran pendidikan tradisional di kawasan Duku Khelek. Tetapi hanya bertahan beberapa masa sahaja dan terhenti setelah Haji Hamzah meninggal dunia. Fakta konflik dalaman ini disokong oleh Sdr. Ahmad Abdullah<sup>10</sup> yang juga berperanan dalam pembangunan pendidikan moden pondok itu, beliau mengatakan bahawa sepatutnya pengajaran pondok tradisional digabungkan dengan pendidikan moden. Dengan itu konflik di antara kedua-dua

<sup>9</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Suhaimi Kaewthachang umur 40 tahun selaku Sekolah tersebut pada 9 September 2000 di Sekolah tersebut.

<sup>10</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Ahmad Abdullah umur 45 tahun pada 5 Januari 2002 di Kedai perniagaannya di Pekan Rantau Panjang, Kelantan.

golongan tidak begitu ketara .

Dari catatan sekolah agama swasta ini, telah menonjolkan Haji Mohd. Dahan sebagai pengasas pondok dan seterusnya lebih menonjolkan Haji Shihabuddin sebagai pengembang sekolah agama ini, sebaliknya ketepikan ketokohan Haji Mohd. Tahir yang telah membawa kemasyhuran nama pondok Kampung Duku sehingga mendatangkan beberapa pelajar agama dari negeri Kelantan selain dari kawasan sekitar dengannya.

Dengan perubahan sistem pondok tradisional kepada sistem pendidikan kerajaan ini telah memberi kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran agama di sekolah agama tersebut. Semasa sekolah agama ini masih menjalankan pengajian sistem pondok tradisional ia terkenal sebagai sebuah pondok yang mengeluarkan pengembang-pengembang agama yang terkenal dengan bacaan Al-Qurannya. Mereka itu dapat menjadi pemimpin - pemimpin agama seperti imam-imam, bilal-bilal, khatib-khatib dan sebagainya. Tetapi setelah sekolah mengadakan perubahan sistem pengajaran, kita dapat melihat tahap ilmu pengetahuan agama dan bahasa Melayu di sekolah ini semakin berkurangan. Beberapa tahun yang lalu pihak Pejabat pendidikan kawasan II telah mengadakan peperiksaan penilaian bagi pelajar-pelajar sekolah - sekolah agama dibawah kawalannya. Penilaian pelajar-pelajar sekolah agama swasta ini yang lebih dikenali dengan nama "*Rongrian Siritham Wittaya*" berbanding dengan pelajar-pelajar sekolah agama lain adalah seperti berikut:<sup>11</sup>

<sup>11</sup> Buku Penilaian Peperiksaan Pelajara-Pelajar Sekolah Agama, Pejabat Pendidikan Kawasan II, Yala, 1985.

Perbandingan markah sekolah denangan markah purata bagi peringkat Wilayah Narathiwas dan peringkat kawasan II dalam mata pelajaran bahasa Melayu tulisan Jawi adalah berikut:

Jadual 10. Perbandingan markah sekolah dengan markah purata peringkat wilayah dan kawasan

Nama sekolah	markah yang dicapai	markah purata peringkat	
		wilayah	kawasan
Siritham Wittaya	33	33.38 (-0.38)	32.06 ( 0.94)

Kesimpulan dari keputusan di atas adalah pelajar-pelajar sekolah Siritham Wittaya mempunyai markah di bawah paras markah purata di peringkat wilayah sebanyak -0.38 dan di atas paras markah purata di peringkat kawasan sebanyak 0.94.

Perbandingan makah sekolah dengan markah purata bagi peringkat wilayah Narathiwas dan Peringkat dalam mata pelajaran agama adalah berikut:

Nama sekolah	Marka yang dicapai	markah purata peringkat	
		wilayah	kawasan
Siritham Wittaya	139.63	158.26(-18.63)	151.62(-11.99)

Kesimpulan dari keputusan di atas adalah pelajar - pelajar sekolah Siritham Wittaya mempunyai Markah peperiksaan di bawah paras di peringkat wilayah sebanyak -18.63 dan di peringkat Kawasan sebanyak -11.99

Beberapa mata pelajaran yang telah diajarkan semasa sekolah ini masih menjadi pondok tradisional iaitu seperti berikut:

#### Jadual 11. Mata pelajaran pondok tradisional

1. Ilmu Al-Quran
2. Ilmu tafsir
3. Ilmu nahu
4. Ilmu hadis
5. Ilmu fiqah
6. Ilmu tauhid
7. Ilmu tajwid
8. Ilmu tarikh Al- Islam
9. Ilmu saraf
10. Ilmu mustal hadis
11. Ilmu mantiq

12. Ilmu balaghah

13. Ilmu tasawwuf

14. Ilmu jughrafi

Senarai nama kitab-kitab tradisional yang telah di ajarkan di pondok Kampung Duku adalah seperti berikut:<sup>12</sup>

**Jadual 12. Nama-nama kitab dan pengarang kitab tradisional**

Nama Kitab	Nama pengarang
1. Al-Mukodimatul al-ajurumiah	Sheikh Al-Jurum Ibn Suhaji
2. Sharah Muktasran jiddan ala al-jurumiah	Sheikh Syed Ahmad Ibn Zaini Dahlan
3. Fathul Korib	Sheikh Mohd. Kassim Al-'azi
4. Bulughu muron	Hafiz Shihabuddin Ahmad Ibn Ali
5. Matan arbain	Abu Zakaria Yahya Nawawi
6. Jalalain	Jalaluddin Al-Mahalli Jaliddin Al-Suyati
7. Aluma'	Abu Ishaq Ibn Shairozi
8. Al-Balaghatul Wadhihah	Abu Ishaq Ibn Shairozi
9. Sharah Matan Sanusiyah	Ibrahim Al-Bijuri


<sup>12</sup> Pengkaji telah temubual dengan beberapa bekas murid sekolah itu semasa masih menamatkan pendidikan tradisional di sekitar bulan November 2000. Serta dengan berdasarkan Matheson, Virginia & Hooker, M.B. "Jawi Literature in Patani: The Maintenance of an Islamic Tradition" dalam JMBRAS Vol. LXI Part. 1, 1988 muka 1-86

10. Sharah Kipayatul 'Awam	Ibrahim Al-Bijuri
11. Tohfatul Murid	Ibrahim Al-Bijuri
12. Bidayatul Hidayah	Imam Al-Ghazali
13. Hidayatul Salikin	Imam Al-Ghazali

Selain dari Kitab-Kitab berbahasa Arab seperti di atas terdapat beberapa Kitab-Kitab berbahasa Melayu tulisan Jawi seperti berikut

Nama Kitab	Nama Pengarang
1. Bughyat Al-Tullab li Murid Ma'rifat Al-Ahkam bil Sawab	Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani
2. Al-Durr Al-Thamin	Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani
3. Furu Al-Masail Wa Usul Al-Masail	
4. Ghayat Al-Taqrīb	Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani
5. Idah Al-Bab li Murid Al-Nikah bil Sawab	Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani
6. Jami' Al-Fawaid	Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani
7. Al-Jawahir Al-Saniyah	
8. Kashf Al-Ghumma	Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani
9. Kifayat Al-Muhtaj	Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani

10. Minhaj Al-Abidin	Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani
11. Munityat Al-Musalla	Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani
12. Muta'allim	Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani
13. Sullam Al-Mubtadi	Sheikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani
14. Taqrib Al-Ikhwani	Haji Abdul Kadir Haji Wangah
15. Tadhkiah	Haji Abdul Kadir Haji Wangah
16. Wasail Ilm Al-Kalam	Haji Abdul Kadir Haji Wangah
17. Faridat Al-Faraid Fi Ilm Al-Aqa'id	Sheikh Ahmad Mohd. Zain Al-Fatani
18. Bahjat Al-Mubtadin Wa Farhat Al-Mujtadin	Sheikh Ahmad Mohd. Zain Al-Fatani
19. Al-Fatawa Al-Fataniyyah	Sheikh Ahmad Mohd. Zain Al-Fatani
20. Sharh Bakurat Al-Amani	Sheikh Ismail Abdul Kadir Al-Fatani
21. Idah Al-Maran li Tahqiq Sabul Al-Salam	Sheikh Ismail Abdul Kadir Al-Fatani
22. Matla Al-Badrain Wa Majma' Al-Bahrain	Muhammad Ismail Daud Al-Fatani
23. Wishah Al-Afrah Wa Asbah Al-Falah	Muhammad Ismail Daud Al-Fatani
24. Kifayat Al-Muhtadi	Muhammad Nur Muhammad Al-Fatani
25. Kashf Al-Ghaybiah	Zainal Abidin Muhammad Al-Fatani
26. Aqidah Al-Najin	Zainal Abidin Muhammad Al-Fatani
27. Kashf Al-Litham	Zainal Abidin Muhammad Al-Fatani
28. Penawar bagi Hati	Abdul Kadir Al-Mandailing



Jadual 17. Mata pelajaran di Sekolah Rendah Ban Duku<sup>22</sup>

Kelompok 1 ( mata pelajaran kemahiran ) terdiri dari

1. Bahasa Thai
2. Matematik

Kelompok 2 ( mata pelajaran pembinaan pengalaman hidup ) terdiri dari

1. Sejarah
2. Geografi
3. Sosial
4. Sains
5. Ilmu kesihatan

Kelompok 3 ( mata pelajaran pembinaan perilaku ) terdiri dari

1. Jasmani
2. Pengakap / Panduputri
3. Kesenian
4. Akhlak
5. Muzik Thai dan tarian Thai
6. Pengajian Islam

Kelompok 4 ( mata pelajaran asas pekerjaan ) terdiri dari

1. Pertanian

<sup>22</sup> Buku Kurikulum Pendidikan Rendah tahun 1997, Pejabat Pendidikan Daerah Bachok.

sebagai *Buku Salasilah Al-Humidiyah* sempena nama beliau.

Bagi kurikulum pendidikan agama yang disusunkan oleh kerajaan Thailand di peringkat Ibtida'iyah, Muttawasitah dan Sanawiyah adalah seperti berikut:

Jadual 13. Kurikulum kerajaan bagi mata pelajaran agama Islam peringkat Ibtida'iyah<sup>13</sup>

Mata Pelajaran	Jam / Minggu / Tahun			
	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4
A. Agama	5	5	4	4
1. Al-Quran				
2. Kegiatan keagamaan	4	4	4	4
3. Tauhid	3	3	2	2
4. Fiqah	3	3	2	2
5. Tajwid	-	-	1	1
B. Bahasa				
1. Bahasa Arab				
1.1 Nahu	-	-	2	2
1.2 Saraf	-	-	1	1
1.3 Mutala'ah	2	2	2	2
1.4 Imla'	2	2	1	1

<sup>13</sup> Buku Kurikulum Pendidikan Ibtida'iyah tahun 1997, Pejabat Pendidikan Kawasan II, Yala

5. Fiqah	2	2	2
6. Fara'id	1	1	1
B. Bahasa			
1. Bahasa Arab			
1.1 Qawa'id	4	4	4
1.2 Mutala'ah	2	2	2
1.3 Insya	2	2	2
1.4 Sejarah Kebudayaan	1	1	1
1.5 Khat	1	-	-
1.6 Syair	-	1	1
1.7 Imla'	1	1	1
1.8 Muhasabah	2	2	2
2. Bahasa Melayu	3	3	3
C. Sosial			
1. Tarikh Tasyri	2	2	2
2. Akhlaq	1	1	1
Jumlah semua	30	30	30

**Jadual 15. Kurikulum Kerajaan bagi mata pelajaran agama peringkat  
Sanawiyah<sup>15</sup>**


<sup>15</sup> Buku Kurikulum Pendidikan Sanawiyah tahun 1997, Pejabat Pendidikan Kawasan II, Yala

Mata pelajaran	Jam / Minggu / Tahun		
	Kelas 8	Kelas 9	Kelas 10
A. Bidang Keagamaan			
1. Al-Quran	2	2	2
2. Hadith	2	2	2
3. Fiqah	2	2	2
4. Mustalah Hadith	1	-	-
5. Bahasa Arab	6	6	6
6. Sosial	2	3	3
B. Mata pelajaran pilihan	2	2	-
1. Hadith			
2. Fiqah	4	4	4
3. Mustalah Hadith	2	2	2
4. Bahasa Inggeris	2	2	2
5. Sosial	3	3	3
6. Bahasa Melayu	2	2	2
Jumlah semua	30	30	30

Rajah 3. Struktur pentadbiran Sekolah Siritham Wittaya

Pemegang / Lesen Pengurus

Haji Mokhtar Bin Haji Shihabuddin



### **Keadaan sekitar sekolah agama**

Di sekolah agama swasta ini telah menjeniskan tenaga-tenaga pengajar kepada 2 bahagian iaitu pertama ialah guru-guru agama atau lebih dikenali dengan panggilan ustaz-ustaz. Kedua ialah guru-guru yang mengajar mata pelajaran kurikulum pendidikan kerajaan. guru-guru agama di sekolah ini mempunyai jumlah seramai 24 orang termasuk 4 orang yang mengajar secara separuh masa. Guru-guru agama tersebut kebanyakan adalah bekas murid sekolah itu semasa ia masih menjalankan pengajaran pendidikan secara tradisional. Selain dari guru-guru agama yang berasal dari sekitar Kampung Duku dan yang berhampiran dengannya. Terdapat 2 orang guru agama dari luar kampung yang mempunyai kelulusan sarjana muda dari Universiti di Timur

Timur Tengah.

Bagi guru-guru yang mengajar mata pelajaran kurikulum kerajaan dijeniskan kepada 2 bahagian iaitu pertama ialah guru-guru yang digajikan oleh sekolah sebanyak 21 orang termasuk 6 orang yang mengajar secara separuh masa. Guru-guru dari kakitangan kerajaan yang ditugaskan untuk membantu pengajaran di sekolah ini sebanyak 2 orang. Guru-guru dari kakitangan kerajaan tersebut ditugaskan mengikut syarat bantuan bagi sekolah agama dalam kategori 15(2). Bagi sesebuah sekolah agama yang telah dinaikkan taraf dari Kategori tersebut ke kategori 15(1) guru-guru tersebut akan dipulangkan ke pejabat pendidikan kerajaan. Jika sekolah itu masih memerlukan guru-guru tersebut, gaji guru-guru tersebut akan dipotongkan dari peruntukan bantuan kerajaan bagi sekolah agama dalam kategori 15(1) yang mendapat peruntukan bantuan lebih banyak dari sekolah dalam kategori 15(2). Guru-guru dari kakitangan kerajaan ini kedua-duanya terdiri dari keturunan Melayu. Di masa dahulu biasanya, guru-guru dari kalangan tersebut terdapat seorang yang ditugaskan sebagai "Agen" kerajaan untuk melaporkan kegiatan rahsia dalam sekolah-sekolah agama yang berkaitan dengan keselamatan negara.<sup>16</sup>

Pelajar-pelajar di sekolah agama ini lebih kurang 80 peratus adalah anak-anak penduduk Kampung Duku. Mereka yang sedang belajar di peringkat pendidikan menengah bawah mempunyai jumlah sebanyak 233 orang. Di peringkat pendidikan menengah atas sebanyak 163 orang. Terdapat sebanyak 63

<sup>16</sup> Pengkaji telah temubual dengan beberapa guru-guru kerajaan berketurunan Melayu yang masih berpegang kepada semangat kemelayuan.

orang pelajar yang hanya belajar mata pelajaran agama sahaja tidak mengikuti mata pelajaran pendidikan kerajaan. Jumlah pelajar-pelajar semua adalah sebanyak 459 orang terdiri dari 213 pelajar lelaki dan 246 orang pelajar perempuan. Sebahagian dari pelajar-pelajar lelaki menginap di pondok-pondok dan pelajar-pelajar perempuan menginap di asrama sekolah tersebut.

Pengkaji telah menjalankan soal-selidik terhadap 116 orang pelajar dari jumlah pelajar sekolah tersebut sebanyak 459 orang. Pelajar-pelajar yang disoal-selidikkan adalah terdiri dari pelajar-pelajar lelaki dan perempuan di peringkat pendidikan menengah bawah dan pendidikan menengah atas. Kita dapat melihat kesan kejayaan dasar Siamisasi kerajaan Thailand melalui pendidikan seperti berikut:

**Jadual 16. Soal-selidik terhadap pelajar-pelajar di Sekolah Siritham Wittaya**

1. Tahap penguasaan bahasa Melayu tulisan Jawi bagi pelajar-pelajar sekolah agama ini. Setelah menjalankan soal-selidik jawapan yang didapati adalah berikut:

Tahap Penguasaan	Peratus
Tidak fasih	3.45
Sederhana	69.82
Fasih	26.72

Ini membuktikan bahawa penguasaan bahasa Melayu tulisan jawi berada di tahap yang fasih sebanyak 26.72 peratus. Ia menunjukkan pelajar-pelajar tersebut lebih cenderung kepada penguasaan bahasa Thai dari bahasa ibunda.

2. Tahap penguasaan Bahasa Melayu tulisan rumi bagi pelajar-pelajar sekolah agama ini. Setelah menjalankan soal-selidik jawapan yang didapati adalah berikut:

Tahap penguasaan	Peratus
Tidak Fasih	13.79
Tidak Fasih	70.68
Fasih	15.51

Ini membuktikan bahawa penguasaan bahasa Melayu tulisan rumi berada di tahap yang fasih sebanyak 15.51 peratus iaitu peratusnya telah menurun jika dibandingkan dengan penguasaan bahasa Melayu tulisan jawi. Penguasaan di tahap tidak fasih sebanyak 13.79 peratus iaitu peratusnya telah menambah jika dibandingkan dengan tahap penguasaan bahasa Melayu tulisan jawi. Secara langsung dapat mengasingkan pelajar-pelajar tersebut dari berkomunikasi dengan penduduk di negara-negara rumpun Melayu di masa akan datang.

3. Bahasa yang minat dalam pembacaan buku-buku. Setelah soalan di

tujukan dengan menyoalkan bahasa pilihan jika terdapat satu tajuk buku yang mempunyai 3 bahasa. Salah satu di antaranya di dalam bahasa Thai, bahasa Melayu tulisan jawi dan bahasa Melayu tulisan rumi. Pilihan bahasa yang senang dibaca oleh pelajar-pelajar tersebut adalah berikut:

Bahasa pilihan	Peratus
bahasa Thai	67.24
bahasa Melayu tulisan jawi	24.13
bahasa Melayu tulisan rumi	8.62

Ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar tersebut lebih minat membaca buku dalam bahasa Thai sebanyak 67.24 peratus iaitu berlipat ganda dari bahasa ibunda baik dengan tulisan jawi ataupun rumi. Ia telah menyulitkan pelajar-pelajar tersebut untuk menimba ilmu dan mengetahui perkembangan pembangunan dari negara-negara rumpun Melayu.

4. Bahasa yang minat dalam pendengaran lagu-lagu. Setelah soalan ditujukan dengan menyoalkan bahasa pilihan dalam nyanyian lagu-lagu yang diminati mereka iaitu lagu-lagu Thai, lagu-lagu Malaysia dan Indonesia dan lagu-lagu Melayu tempatan. Jawapan yang telah didapati adalah berikut:

Bahasa	Peratus
Thai	53.44

Malaysia dan Indonesia	30.17
Melayu tempatan	16.37

Ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar tersebut minat mendengar lagu-lagu bahasa Thai sebanyak 53.44 peratus iaitu lebih minat mendengar lagu-lagu bahasa Thai dari lagu-lagu bahasa Melayu baik bahasa Melayu tempatan ataupun bahasa Melayu Malaysia dan Indonesia.

5. Bahasa yang mereka berkomunikasi melalui surat-menyurat di antara mereka ataupun kawan-kawan di luar kawasan. Setelah soalan ditujukan dengan menyoalkan bahasa yang mereka senang digunakan dalam penulisan mereka semasa mereka surat menyurat. Jawapan yang didapati adalah berikut:

Bahasa	Peratus
Thai	84.48
Melayu tulisan Jawi	12.93
Melayu tulisan Rumi	2.58

ini membuktikan bahawa bahasa pilihan mereka adalah bahasa Thai sebanyak 84.48 peratus. Ia berlipat ganda dari bahasa Melayu tulisan Jawi dan Rumi. Bagi bahasa Melayu tulisan rumi hanya terdapat 2.58 peratus. Ini akan menyulitkan mereka dalam berkomunikasi dengan penduduk di negara-negara rumpun Melayu di masa akan datang.

### **Sejarah penubuhan Sekolah Rendah Ban Duku**

Sekolah rendah kerajaan ini terletak di kawasan Duku Dusun di Kampung atau Mu 7 dalam Mukim Bachok. Sekolah ini lebih dikenali dengan nama *Sekolah Duku Dusun* atau *Sekolah Dusun* oleh penduduk sekitar Kampung Duku, kerana penduduk ingin membezakan sekolah ini dari sekolah agama swasta yang terletak di kawasan Duku Masjid. Penubuhan sekolah ini adalah dari hasil derma dan tenaga penduduk semua kawasan dalam Kampung Duku. Dari wang derma sebanyak 900 Baht (lebih kurang RM 90) dapat membangun sebuah bangunan sementara sekolah tersebut. Tapak sekolah itu pada peringkat awal terletak di atas tanah kepunyaan Sdr. Mohd. Ilal Lamatha. Sekolah ini ditubuhkan pada 4 Ogos 1962 dengan usaha seorang pendidik keturunan Melayu yang bernama Sdr. Winij Matsan<sup>17</sup> atau nama Melayunya, Sdr. Che' Wanik Bin Awang Nor.<sup>18</sup>

Kemudian pada 1963 pihak kerajaan Thailand telah memberi peruntukan untuk membina sebuah bangunan tetap, kerana bangunan awal itu terletak bukan di atas tapak tanah milik sekolah. Maka pihak sekolah telah membeli sebidang tanah kepunyaan Hajjah Hawa Binti Haji Abdullah seluas 1 Rai ( 0.4 Ekar ). Pemilik tanah tersebut hanya menerima bayaran separuh sahaja dan bakinya diderma untuk membangun sekolah itu. Pihak kerajaan telah membina bangunan baru di atas tanah tersebut dan menjalankan pengajaran di peringkat darjah 1-4 pada 24 Oktober 1963.

<sup>17</sup> Buku Catatan Sejarah Penubuhan Sekolah Rendah Ban Duku .

<sup>18</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdri. Maznah Binti Che' Wanik umur 43 tahun pada 30 November 2000 di rumahnya

Pengajaran tersebut dijalankan dari peringkat ke peringkat dengan tahun pertama dibuka pada darjah 1 kemudian tahun kedua pada darjah 2 dan seterusnya.<sup>19</sup> Pada tahun 1966 pihak sekolah telah mendapat peruntukan dari kerajaan untuk membina sebuah lagi bangunan sekolah.

Dalam tahun 1978 Sdr. Abdul Kadir Kechik telah menderma sebidang tanah seluas 2 Rai 2 Ngan ( 0.88 Ekar ) yang berhampiran dengan sekolah itu. Dengan pendermaan tersebut, Sdr. Abdul Kadir Kechik dilantik menjadi Tukang kebun di sekolah itu. Amalan perlantikan seperti ini bukan sahaja berlaku di Kampung Duku, sebaliknya ia berlaku di kebanyakan sekolah-sekolah kerajaan dan beberapa jabatan kerajaan. Pihak tersebut akan melantik penderma atau keturunannya ke jawatan tukang kebun atau pekerja am. Pada tahun 1978 juga pihak kerajaan telah memberi peruntukan untuk membina lagi 2 bilik darjah serta membenarkan penyambungan pelajaran hingga ke darjah 6.

Kelas TADIKA atau Taman kanak-kanak kecil yang lebih dikenali dengan nama " *Amubaf* " mulai dijalankan pada tahun 1981. Kemudian pada tahun 1982 pihak kerajaan telah memberi peruntukan lagi untuk membina sebuah bangunan baru, masing-masing sebuah bengkel dan bangunan tandas. Sdr. Che' Wanik Bin Awang Nor telah menjadi guru besar semenjak penubuhan sekolah sehingga meletak jawatan pada 1 Julai 1983. Jawatan guru besar sekolah itu kemudian diisikan oleh Sdr. Adinan atau Salleh Tok Le pada 1 September

<sup>19</sup> Pengkaji telah temubual dengan Mrs. Yenchai umur 59 tahun di Sekolah Ban Beehuh pada 23 November 2000. Beliau adalah seorang guru Thai pernah mengajar di Sekolah tersebut.

1983. Kemudian Sdr. Adinan atau Salleh telah ditukarkan jawatan dari sekolah itu ke Sekolah Rendah Gajah Mati Mukim Gajah Mati pada 14 Februari 1990. Jawatan itu digantikan oleh Sdr. Chakra Benjadara atau nama Melayunya, Sdr. Muhammad Bin Yusuf dari tarikh tersebut sehingga sekarang.<sup>20</sup>

Pada tahun 1991 pihak ahli jawatankuasa sekolah, guru-guru serta ibubapa pelajar-pelajar sekolah tersebut telah bergotong-royong membina 4 bilik darjah yang disambungkan dari bangunan yang telah dibina pada tahun 1982.

#### **Kedaaan sekitar Sekolah Rendah Kampung Duku**

Guru-guru di sekolah rendah ini pada peringkat awal penubuhannya pada tahun 1962 mempunyai hanya seorang guru iaitu Sdr. Che' Wanik selaku guru besar dan tenaga pengajar. Pada tahun 1963 sekolah telah mendapat seorang guru lagi kemudian pada tahun 1964 sekali lagi sekolah mendapat seorang guru. Seterusnya jumlah tenaga pengajar bertambah dari tahun ke tahun sekarang sekolah mempunyai tenaga pengajar sebanyak 16 orang termasuk seorang guru mata pelajaran agama Islam. Dari jumlah guru-guru tersebut terdapat 5 orang guru keturunan Melayu tempatan dan seorang guru keturunan Melayu berasal dari Wilayah Singgora yang menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa hariannya. Mengikut Senarai nama guru-guru sekolah rendah ini selain Sdr. Muhammad

<sup>20</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdr. Muhammad Benjadara dan Thirawit Chumak pada 11 November 2000 di Sekolah Rendah Ban Duku.

sebagai guru besar terdapat seorang penolong guru besar iaitu Sdr. Natthi Lamatha atau nama Melayunya, Sdr. Mohd. Sabri Bin Haji Abdul Rashid. Beliau adalah seorang cucu kepada Tok Duku .

Dari tenaga pengajar yang terdapat di sekolah tersebut hanya 3 orang sahaja yang masih mengekalkan nama Melayunya iaitu Sdr. Awang Mohd. Salleh, Sdr. Awang Limeng Atau Nordin Bin Hussein dan Sdri. Zainab Che' Yusuf. Bagi kelulusan guru-guru sekolah ini didapati sebanyak 12 orang memiliki ijazah Sarjana Muda, 3 orang memiliki Dipoma dan seorang guru memiliki Sijil Pendidikan Menengah bawah atau tingkatan 3. Guru wanita Melayu yang memiliki Sijil tingkatan 3 tersebut telah berkhidmat selama 28 tahun tetapi tidak memajukan taraf pendidikannya sehingga masih setaraf dengan Sdr. Awang Kechik, tukang kebun sekolah tersebut. Ini adalah amat malang bagi pelajar-pelajar Melayu di sekolah tersebut. Sekiranya guru tersebut tidak memajukan dirinya sendiri untuk menjejarkan kemajuan dalam ilmu pengetahuan. Apakah ilmu pengetahuan dan kemajuan yang akan dicurahkan kepada pelajar-pelajar sekolah tersebut .

Pelajar-pelajar sekolah tersebut pada peringkat awal penubuhannya pada tahun 1962 mempunyai pelajar hanya darjah 1 sebanyak 103 orang. Kemudian pada tahun 1963 jumlah pelajar ditambah dengan darjah 1 dan 2. Jumlahnya bertambah dari tahun ke tahun sehingga sekarang. Mengikut bancian pelajar di sekolah ini pada tahun 2000 dijeniskan kepada 2 peringkat. Pertama adalah peringkat kanak-kanak atau Anubal iaitu kanak-kanak yang berumur 3-5 tahun mempunyai 2 darjah dengan berjumlah sebanyak 100

orang. Jumlah tersebut terdiri dari pelajar lelaki sebanyak 49 orang dan pelajar perempuan sebanyak 51 orang. Kedua adalah peringkat pendidikan sekolah rendah mempunyai jumlah sebanyak 395 orang. Jumlah tersebut terdiri dari pelajar lelaki sebanyak 214 orang dan pelajar perempuan sebanyak 181 orang. Pelajar –pelajar di kedua-dua peringkat ini mempunyai jumlah sebanyak 495 orang.<sup>21</sup> Semua pelajar tersebut mendapat peruntukan makanan tengah hari dari pihak kerajaan.

Jumlah pelajar semenjak penubuhannya sehingga sekarang mempunyai jumlah sebanyak 1,881 orang. Pelajar yang ke 1,881 yang didaftarkan diri pada 18 Mei 2000 ialah Tengku Yah Puteh. Mengikut dari catatan senarai nama – nama pelajar sekolah ini semenjak penubuhannya kesemua adalah keturunan Melayu. Walaupun jumlahnya agak ramai ,tetapi sebahagian dari mereka telah berhenti persekolahan sebelum berada di darjah terakhir sekolah ini.

### **Pembelajaran di Sekolah Rendah Kampung Duku**

Sekolah rendah ini mengadakan perhimpunan pelajar pada jam 08.30 pagi. Dalam perhimpunan tersebut pihak sekolah akan menaikkan bendera kebangsaan Thai. Oleh kerana sekolah rendah ini mempunyai pelajar keseluruhan beragama Islam selepas menyanyi lagu kebangsaan Thai mereka akan membaca do'a mengikut ajaran Islam tidak seperti sekolah-sekolah rendah yang mempunyai ramai pelajar-pelajar beragama Buddha. Di sekolah – sekolah tersebut

<sup>21</sup> Buku Pendaftaran Pelajar Sekolah Rendah Ban Duku tahun 2000.

mewajibkan pelajar-pelajar berdo'a mengikut ajaran agama masing-masing. Selepas mereka berdo'a mereka akan membaca "*Ikrar 10 perkara*". Isi kandungan ikrar tersebut seperti rajin belajar, taat setia kepada ibupaba dan sebagainya. Setelah perhimpunan mereka akan memasuki bilik darjah masing-masing. Mereka memulakan pembelajaran pada jam 9 pagi sehingga jam 12 tengah hari. Pembelajaran akan dimulakan sekali lagi pada jam 1 petang sehingga jam 3.30 petang bagi pelajar-pelajar darjah 1-4 dan jam 4 petang bagi pelajar-pelajar darjah 5-6. Dengan demikian pelajar-pelajar darjah 1-4 mempunyai masa lapang untuk bermain-main sehingga jam 4 petang. Pada jam 4 petang semua pelajar akan bersurai dan pulang ke rumah masing-masing di sekitar Kampung Duku.

Setelah pengkaji telah membuat pemantauan belih dari sebulan di sekolah rendah ini, terdapat beberapa kesan dari dasar pendidikan kerajaan yang telah ditanam ke dalam diri pelajar-pelajar sekolah rendah ini. Pada hari pertama pengkaji melangkah ke sekolah rendah ini, pengkaji telah dihormati oleh seorang pelajar perempuan dengan cara budaya Thai iaitu menyembah dan pelajar lelaki berdiri tegak. Amalan ini juga telah dilakukan pelajar-pelajar semasa guru-guru mula memasuki bilik darjah dan keluar bilik darjah setelah tamat pengajarannya. Bagaimanapun terdapat sedikit perbezaan diantara guru-guru beragama Islam dengan beragama Buddha. Iaitu pelajar-pelajar akan melakukan seperti yang telah disebutkan tadi terhadap guru-guru beragama Buddha, sebaliknya mereka baik pelajar lelaki ataupun perempuan akan hanya berdiri sahaja terhadap guru-guru Melayu yang sebilangan dari mereka mempunyai asas agama. Bagi guru mata pelajaran agama mereka akan memberi Salam. Ini

adalah berlainan dengan ucapan ' *Sawasdi khrah Khun Khru* : *Sawasdi kha Khun Khru* : Selamat pagi cikgu . Selamat petang cikgu ' dan ' *Khobkhun khrah Khun Khru* : *Khobkhun kha Khun Khru* : Terima kasih cikgu ' kepada guru-guru mata pelajaran umum.

Bahasa berkomunikasi di antara pelajar-pelajar adalah bahasa Melayu tempatan. Tetapi terdapat beberapa potong ayat dalam bahasa Thai diselitkan mereka semasa pertuturan. Adakalanya di antara mereka menggunakan bahasa Thai sekadar pertuturan pendek . Walaupun begitu mereka akan lebih menggunakan bahasa Thai di antaranya semasa berdepan dengan guru-guru. Kerana kemungkinan seperti juga sekolah-sekolah lain yang menggalakkan pelajar-pelajar menggunakan bahasa Thai di sekolah. Dalam tahun 1970-an dan 1980-an pihak sekolah-sekolah di wilayah-wilayah Melayu telah memaksa pelajar-pelajar menggunakan bahasa Thai. Jika mereka masih menggunakan bahasa Melayu ia akan didenda oleh guru-guru. Dasar ini telah memberi kesan kepada beberapa masyarakat Melayu. Selain dari itu pihak guru-guru juga menekankan bahawa pelajar-pelajar Melayu itu adalah dari bangsa Thai yang beragama Islam ( Kitti Rattanachaya , 1993:34).


#### **Pakaian pelajar-pelajar di Sekolah Rendah Kampung Duku**


Pada peringkat awal sekolah rendah ini mewajibkan pelajar-pelajar lelaki berseluar pendek dan pelajar-pelajar perempuan berskirt pendek . Di atas desakan dari masyarakat Melayu Patani untuk mengelakkan dari menjadi isu dakwaan dari pihak pertubuhan pemisah, pihak kerajaan telah melonggarkan syarat-syarat pakaian pelajar-pelajar beragama Islam. Kementerian pendidikan

Thailand telah membenarkan pelajar-pelajar dan guru-guru beragama Islam boleh memakai pakaian mengikut ajaran Islam iaitu pelajar-pelajar lelaki boleh berseluar panjang, pelajar perempuan boleh berskirt panjang dan pelajar perempuan, guru-guru perempuan boleh berhijab. Ini berdasarkan keputusan mesyuarat ketua-ketua jabatan di kementerian pendidikan No. 4/2536 bertarikh 22 April 1993 mengenai permintaan Sekolah Rendah Telok Keraithorng dan No. 3/2537 bertarikh 27 Mei 1994 mengenai permintaan Sekolah Ban Katong Daerah Yaka Wilayah Yala. Satu lagi keputusan Kementerian pendidikan bertarikh 7 Disember 1995 yang membenarkan pelajar-pelajar dan guru-guru beragama Islam boleh berpakaian hijab.

Dengan keputusan tersebut telah membenarkan pelajar-pelajar Melayu di sekolah rendah ini boleh berpakaian mengikut ajaran Islam. Bagaimanapun pengkaji dapati masih ramai pelajar-pelajar yang berseluar pendek. Ini kemungkinan berpunca dari ekonomi, kerana seluar panjang itu lebih mahal dari seluar pendek. Di peringkat sekolah rendahlah yang telah menjadi pusat menjalankan dasar Siamisasi kepada anak-anak penduduk Melayu Kampung Duku secara berkesan. Ia dapat menanam benih fikiran kesiaman secara langsung. Pelajar-pelajar tersebut juga akan menjadi salah satu generasi yang akan menyahut dan menerima dasar Siamisasi di masa akan datang.

#### Rajah 4. Struktur pentadbiran Sekolah Rendah Ban Duku





Jadual 17. Mata pelajaran di Sekolah Rendah Ban Duku<sup>22</sup>

Kelompok 1 ( mata pelajaran kemahiran ) terdiri dari

1. Bahasa Thai
2. Matematik

Kelompok 2 ( mata pelajaran pembinaan pengalaman hidup ) terdiri dari

1. Sejarah
2. Geografi
3. Sosial
4. Sains
5. Ilmu kesihatan

Kelompok 3 ( mata pelajaran pembinaan perilaku ) terdiri dari

1. Jasmani
2. Pengakap / Panduputri
3. Kesenian
4. Akhlak
5. Muzik Thai dan tarian Thai
6. Pengajian Islam

Kelompok 4 ( mata pelajaran asas pekerjaan ) terdiri dari

1. Pertanian

<sup>22</sup> Buku Kurikulum Pendidikan Rendah tahun 1997, Pejabat Pendidikan Daerah Bachok.

2.Masakan

3.Rekaan

Mata pelajaran pilihan ( bagi darjah 5-6 mata pelajaran ini adalah mata pelajaran komputer )

Kelompok 5 ( mata pelajaran pengalaman khusus ) terdiri dari

1. Mata pelajaran pekerjaan

2. Bahasa Inggeris

### Jumlah masa pembelajaran

Kurikulum sekolah rendah menggunakan jumlah keseluruhan selama 6 tahun. Setiap pengajian diwajibkan belajar tidak kurang dari 200 hari atau tidak kurang dari 40 minggu. Hari belajar adalah dari hari isnin sehingga hari juma'at. Waktu belajar adalah dari jam 09.00 sehingga jam 12 tengah hari dan jam 1 petang sehingga jam 3.30 petang 4 petang. Hari cuti adalah hari sabtu dan hari ahad dan hari kebesaran yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Walaupun hari raya baik hari raya Aidil fitri ataupun hari raya Aidil adha bukan hari cuti, tetapi biasanya sekolah – sekolah akan cuti mengikut keadaan masyarakat.

Jadual 18. Jumlah masa pembelajaran di Sekolah Rendah Ban Duku

Kelompok mata pelajaran	Purata masa					
	darjah 1-2		darjah 3-4		darjah 5-6	
	Peratus	Period/ Tahun	Peratus	Period/ tahun	Peratus	Period/ tahun
Kelompok 1	50	1,500	35	1,050	25	750

Kelompok 2	15	450	20	600	25	750
Kelompok 3	25	750	25	750	20	600
Kelompok 4	10	300	20	600	30	900
Jumlah	100	3.000	100	3.000	100	3.000
Kelompok 5	-	120-240	-	210	-	600

( 1 Period adalah selama 45 minit )

Guru-guru Melayu adalah salah satu dari penggerak yang menjalankan dasar Siamisasi melalui pendidikan. Dalam kajian terhadap sekolah rendah ini, pengkaji telah membuat soal-selidik terhadap guru-guru Melayu sebanyak 150 orang di 19 buah sekolah rendah dalam Daerah Bachok yang mempunyai sekolah-sekolah rendah semua sebanyak 27 buah. Dari soal-selidik tersebut beberapa keputusan telah didapati adalah seperti berikut:

**Jadual 19. Soal-selidik terhadap guru-guru Melayu di Daerah Bachok**

1. Jantina guru-guru Melayu yang telah menjawab soal-selidik adalah berikut:

Lelaki	sebanyak	45.33	peratus
Perempuan	sebanyak	54.66	peratus

2. Tahap pendidikan bagi guru-guru yang menjawab soal-selidik seperti berikut:

- Pendidikan formal	
Sarjana	sebanyak 1.33 peratus
Sarjana muda	sebanyak 83.33 peratus
Diploma dan rendah daripadanya	sebanyak 15.33 peratus
- Pendidikan agama	
Sanawi	sebanyak 7.33 peratus
Ibtida'i-Mutawasitah	sebanyak 13.33 peratus
Tadika	sebanyak 20.66 peratus
Tidak pernah belajar	sebanyak 58.66 peratus

Ini membuktikan bahawa segolongan besar guru-guru tersebut sebanyak 58.66 peratus tidak pernah mengikuti pendidikan agama yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Ia lebih mudah terpengaruh dengan kebudayaan Siam daripada golongan lain. Terdapat hanya segolongan kecil sahaja telah mengikuti pendidikan agama baik di peringkat sanawi sebanyak 7.33 peratus ataupun ibtida'i- mutawasitah sebanyak 13.33 peratus ataupun peringkat Tadika sebanyak 20.66 peratus.

3. Penggunaan bahasa harian di dalam keluarga. Setelah menjalankan soal-selidik. Guru-guru tersebut telah menjawab soal-selidik itu dan jawapannya seperti berikut:

Bahasa Melayu tempatan	sebanyak 42.66 peratus
------------------------	------------------------

Bahasa Melayu bercampur bahasa Thai	sebanyak	49.33	peratus
Bahasa Thai	sebanyak	7.99	peratus

Ini membuktikan bahawa segolongan besar sebanyak 49.33 peratus dari guru-guru tersebut telah terpengaruh dengan bahasa Thai sebagai bahasa harian mereka selain dari bahasa Melayu tempatan. Terdapat guru-guru sebanyak 7.99 peratus yang telah menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa harian mereka tanpa bahasa Melayu. Golongan ini terdiri dari guru-guru Melayu yang berasal dari wilayah-wilayah bukan Melayu. Walaupun beberapa orang telah berkahwin dengan guru-guru Melayu tempatan tetapi mereka masih menggunakan Bahasa Thai.

4. Tahap penguasaan bahasa Melayu Tulisan Jawi. Setelah menjalankan soal-selidik, guru-guru tersebut telah menjawab soal-selidik itu dan jawapannya seperti berikut:

Tidak dapat membaca	sebanyak	8.66	peratus
Kurang fasih	sebanyak	37.99	peratus
Sederhana	sebanyak	34.66	peratus
Fasih	sebanyak	18.66	peratus

Ini membuktikan bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu Tulisan Jawi bagi guru-guru Melayu adalah paling lemah iaitu kurang fasih sebanyak 37.99 peratus dan sederhana sebanyak 34.66 peratus berbanding dengan guru-guru

Melayu yang fasih hanya sebanyak 18.66 peratus.

5. Tahap penguasaan bahasa Melayu tulisan Rumi. Setelah menjangankan soal-selidik. Guru-guru tersebut telah menjawab soal-selidik dan jawapannya adalah berikut:

Tidak dapat membaca	sebanyak	9.99	peratus
Kurang fasih	sebanyak	37.33	peratus
Sederhana	sebanyak	43.33	peratus
Fasih	sebanyak	9.33	peratus

Ini membuktikan bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu tulisan Rumi bagi guru-guru Melayu tersebut amat lemah iaitu tidak dapat membaca sebanyak 9.99 peratus kurang fasih sebanyak 37.33 peratus dan sederhana sebanyak 43.33 peratus. Jumlah guru yang fasih sebanyak 9.33 peratus iaitu terlalu kecil bilangannya jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan guru-guru tersebut. Ia peratus lebih rendah dari peratus guru-guru yang fasih bahasa Melayu tulisan Jawi.

6. Jumlah pembacaan majalah, surat khabar atau buku-buku berbahasa Melayu tulisan Jawi purata dalam masa 1 bulan dalam 6 bulan kebelakangan. Setelah soal-selidik ini dijalankan. Jawapan yang telah diterima adalah berikut:

Tidak pernah membaca	sebanyak	66.66	peratus
----------------------	----------	-------	---------

1-5 kali	sebanyak	27.99	peratus
6-10 kali	sebanyak	2.66	peratus
lebih dari 10 kali	sebanyak	2.66	peratus

Ini membuktikan tahap pembacaan dalam bahasa Melayu tulisan Jawi bagi guru-guru Melayu tersebut berada di tahap yang amat rendah iaitu tidak pernah membaca sebanyak 66.66 peratus, membaca 1-5 kali sebanyak 27.99 peratus. Dan guru-guru tersebut yang membaca 6-10 kali hanya sebanyak 2.66 peratus dan lebih dari 10 kali hanya sebanyak 2.66 peratus. Ini menyebabkan mereka lebih terpengaruh dengan kebudayaan Siam.

7. Jumlah pembacaan majalah, surat khabar atau buku-buku berbahasa Melayu tulisan rumi purata dalam masa 1 bulan dalam 6 bulan kebelakangan. Setelah soal-selidik ini dijalankan. Jawapan yang telah diterima adalah berikut:

Tidak pernah membaca	sebanyak	71.33	peratus
1-5 kali	sebanyak	23.99	peratus
6-10 kali	sebanyak	3.33	peratus
lebih dari 10 kali	sebanyak	1.33	peratus

Ini membuktikan bahawa tahap pembacaan dalam bahasa Melayu tulisan rumi adalah amat rendah sekali iaitu tidak pernah membaca sebanyak

71.33 peratus dan membaca 1-5 kali sebanyak 23.99 peratus. Guru-guru tersebut yang membaca 6-10 kali hanya sebanyak 3.33 peratus dan membaca lebih dari 10 kali hanya sebanyak 1.33 peratus. Ia lebih rendah dari tahap pembacaan dalam bahasa Melayu tulisan Jawi. Maka ia secara langsung menyebabkan mereka terasing dari negara-negara rumpun Melayu.

8. Jumlah pembacaan majalah atau surat khabar berbahasa Thai purata dalam masa 1 bulan dalam 6 bulan kebelakangan. Setelah soal-selidik dijalankan. Jawapan yang telah diterima adalah berikut:

Membaca setiap hari	sebanyak	39.99 peratus
Membaca selang hari	sebanyak	59.99 peratus

Ini membuktikan bahawa tahap pembacaan dalam bahasa Thai bagi guru-guru Melayu itu adalah amat tinggi sekali dengan membaca setiap hari sebanyak 39.99 peratus dan membaca selang hari sebanyak 59.99 peratus. Tahap pembacaan Majalah atau surat khabar atau buku-buku dalam bahasa Thai amat tinggi sekali berbanding dengan bahasa Melayu baik tulisan Jawi ataupun Rumi.

9. Jumlah tontonan TV Channel 11 yang menyiarkan beberapa rancangan berbahasa Melayu tempatan. Setelah menjalankan soal-selidik, guru-guru Melayu tersebut telah menjawab. Jawapannya didapati berikut:

Tidak pernah menonton	sebanyak	22.66	peratus
Lama-lama sekali	sebanyak	69.99	peratus
Sering menonton	sebanyak	7.33	peratus

Ini membuktikan bahawa guru-guru Melayu tersebut lebih minat menonton rancangan-rancangan TV berbahasa Thai daripada berbahasa Melayu iaitu tidak pernah menonton sebanyak 22.66 peratus dan lama-lama sekali sebanyak 69.99 peratus. Terdapat guru-guru yang sering menonton rancangan TV berbahasa Melayu tempatan hanya sebanyak 7.33 peratus.

10. Tahap pendengaran radio dengan rancangan-rancangan berbahasa Thai perbandingan dengan berbahasa Melayu tempatan dan bahasa Thai. Guru-guru tersebut telah menjawab soal-selidik tersebut. Jawapan yang diterima adalah berikut:

Mendengar bahasa Thai sahaja	sebanyak	27.99	peratus
Mendengar Bahasa Melayu tempatan dan Bahasa Thai	sebanyak	71.99	peratus

Ini mermbuktikan selain guru-guru keturunan Melayu mendengar radio rancangan berbahasa Melayu tempatan mereka juga mendengar radio rancangan berbahasa Thai. Golongan ini mempunyai jumlah sebanyak 71.99 peratus. Tetapi masih terdapat segolongan guru-guru Melayu itu hanya mendengar radio rancangan berbahasa Thai sahaja iaitu sebanyak 27.99 peratus.

11. Tahap penggunaan IT seperti melayari internet bagi guru-guru Melayu. Setelah soal-selidik dijalankan .Jawapan yang telah diterima adalah berikut:

Tidak pernah melayari	sebanyak	94.66	peratus
Pernah melayari ( Walaupun Tidak sering melayari )	sebanyak	5.33	peratus

Ini membuktikan bahawa tahap penggunaan dan pengetahuan IT bagi guru-guru Melayu amat rendah sekali. Mereka tidak pernah melayari Internet dan kemungkinan tidak pandai menggunakan komputer sebanyak 94.66 peratus. Jumlah guru-guru tersebut yang pernah melayari internet hanya sebanyak 5.33 paratus. Ia dapat memberi kesan terhadap pembelajaran bagi pelajar-pelajar mereka khususnya pelajar-pelajar Melayu.

12. Tahap penerimaan bahasa Thai bagi pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah rendah di mana guru-guru tersebut mengajar. Setelah menjalankan soal-selidik. Jawapan yang telah diterima adalah berikut:

Cemerlang	sebanyak	0.67	peratus
Baik	sebanyak	33.99	peratus
Sederhana	sebanyak	65.33	peratus

11. Tahap penggunaan IT seperti melayari internet bagi guru-guru Melayu. Setelah soal-selidik dijalankan .Jawapan yang telah diterima adalah berikut:

Tidak pernah melayari	sebanyak	94.66	peratus
Pernah melayari ( Walaupun Tidak sering melayari )	sebanyak	5.33	peratus

Ini membuktikan bahawa tahap penggunaan dan pengetahuan IT bagi guru-guru Melayu amat rendah sekali. Mereka tidak pernah melayari Internet dan kemungkinan tidak pandai menggunakan komputer sebanyak 94.66 peratus. Jumlah guru-guru tersebut yang pernah melayari internet hanya sebanyak 5.33 peratus. Ia dapat memberi kesan terhadap pembelajaran bagi pelajar-pelajar mereka khususnya pelajar-pelajar Melayu.

12. Tahap penerimaan bahasa Thai bagi pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah rendah di mana guru-guru tersebut mengajar. Setelah menjalankan soal-selidik. Jawapan yang telah diterima adalah berikut:

Cemerlang	sebanyak	0.67	peratus
Baik	sebanyak	33.99	peratus
Sederhana	sebanyak	65.33	peratus

Ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar keturunan Melayu menerima bahasa Thai dengan baik iaitu tahap penerimaan dengan baik sebanyak 33.99 peratus dan dengan sederhana sebanyak 65.33 peratus. Walaupun dengan cemerlang dengan hanya 0.67 peratus, tetapi ia juga dapat membuktikan bahasa Thai telah diserapkan ke dalam diri pelajar-pelajar Melayu dengan berkesan.

#### **Pandangan masyarakat keturunan Melayu terhadap pendidikan agama dan pendidikan formal**

Di Selatan Thailand dapat dijeniskan sistem pendidikan kepada 2 bahagian iaitu pertama, sistem pendidikan yang dijalankan oleh sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah-sekolah swasta umum. Satu bahagian lagi ialah sistem pendidikan agama yang mempunyai kurikulum pendidikan agama Islam dan diintegrasikan dengan kurikulum kerajaan seperti yang dijalankan oleh sekolah-sekolah di bahagian pertama. Penduduk Kampung Duku menghantar anak-anak mereka ke kedua-dua sistem pendidikan mengikut keinginan masing-masing. Walaupun begitu mereka mempunyai matlamat yang sama iaitu ingin anak-anak mereka menyambung pendidikan di peringkat yang lebih tinggi seperti memasuki institut pengajian tinggi agar anak-anak mereka dapat menyertai dalam sektor kerajaan dan swasta.

Thomas Frazer (1966) telah menyatakan, masyarakat Kampung Ru Sembilan mempunyai pandangan yang positif dan menyanjungi mereka yang mendapat pendidikan agama lebih-lebih lagi yang mendapat pendidikan dari timur tengah. Begitu juga pandangan masyarakat Kampung Duku di sekitar tahun 1950-an, 1960-an dan 1970-an. Kemudian pandangan tersebut telah

berubah mengikut keadaan semasa. Kerana mereka yang berpendidikan seperti dari timur tengah dan Indonesia itu ijazahnya tidak mendapat pengiktirafan dari kerajaan Thailand. Dengan itu menyebabkan peluang mereka tertutup untuk menyertai sektor kerajaan. Pekerjaan mereka hanya ditempatkan di sekolah-sekolah agama dan dengan gaji lebih rendah dari lulusan yang diiktirafkan oleh kerajaan.<sup>23</sup> Wan Abdul Kadir Wan Yusuf (1993) mengatakan, pekerjaan yang berbeza-beza itu boleh memberikan nilai-nilai tersendiri dalam masyarakat. Pemberian nilai itu pula bergantung kepada jenis pekerjaan dan corak serta pendapatnya. Daripada berbagai-bagai jenis pekerjaan itu orang dapat memberikan nilai dengan membandingkan satu jenis pekerjaan dengan satu jenis pekerjaan yang lain. Orang-orang Melayu memberi tinggi rendah nilai berasaskan kepada pekerjaan itu dengan alasan dan persepsinya sendiri.

Dengan itu masyarakat Melayu Kampung Duku lebih mempunyai pandangan yang berbeza di antara orang yang memiliki kelulusan dari institusi pengajian tinggi dalam negeri yang lebih berjaya memasuki sektor kerajaan dengan institusi pengajian tinggi dari Indonesia ataupun timur tengah. Mereka yang menyertai sektor kerajaan itu telah memiliki lambang-lambang sosial yang kedudukan mereka dihormati dan dipandang tinggi dari masyarakat Melayu Kampung Duku.

<sup>23</sup> Pengkaji pernah berjumpa dengan Dr. Wan Abdul Kadir, seorang pegawai perubatan di Hospital USM Kubang Kerian, Kelantan yang menyatakan bahawa beliau pernah menjadi ustaz di sebuah pondok di Wilayah Pattani sebelum berkhidmat dengan Hospital tersebut.

### Kesan terhadap penggunaan bahasa Melayu

Bahasa Melayu yang dituturkan di kalangan penduduk Kampung Duku adalah bahasa Melayu tempatan. Bahasa Melayu baku hanya digunakan dalam bacaan kutbah di hari juma'at sahaja. Bahasa Melayu baku adalah asing bagi penduduk Kampung Duku sesiapa yang bertutur dalam bahasa Melayu baku mereka akan menganggap sebagai "*bahasa Malay*" yang bermaksud bahasa Malaysia, kerana bagi mereka ia bukan bahasa mereka sendiri. Para cendekiawan agama dan penduduk yang berpendidikan agama sendiri kebanyakan menggunakan bahasa Melayu tulisan Jawi. Ia secara langsung menyekat mereka dari membaca media cetak dari negara-negara rumpun Melayu. Ia menyebabkan mereka terasing dari penduduk Melayu dari negara-negara tersebut.

Mengikut Sdri. Zainab Binti Sulaiman,<sup>24</sup> bapanya memiliki sebuah kedai runcit dan di sekitar awal tahun 1970-an. Kebanyakan orang-orang tua dan kanak-kanak yang tinggal berhampiran dengan rumahnya di kawasan Duku Pak Lek sering ke kedai bapanya. Biasanya mereka akan menonton rancangan drama TV dari RTM Malaysia. Sekarang kedai runcitnya masih menjadi tumpuan orang-orang yang tinggal berhampiran rumahnya. Tetapi tontonan mereka telah beralih dari RTM kepada TV Channel 3, 5, 7, 11 dan ITV, kerana terpengaruh dari hubungan dengan masyarakat luar baik hubungan dengan pihak pemerintahan, media massa ataupun penduduk keturunan Thai serta pengaruh dari pendidikan kerajaan di dalam kampung dan luar kampung menyebabkan

<sup>24</sup> Pengkaji telah temubual dengan Sdri. Zainab Binti Sulaiman umur 36 tahun pada 23 November 2000 di kedai runcitnya di Kampung Duku.

bahasa Melayu tempatan telah bercampur aduk dengan kata-kata dalam bahasa Thai. Di kalangan penduduk tua kata-kata bahasa Thai yang diselitkan dalam pertuturan mereka lebih sedikit dari kalangan remaja. Di kalangan remaja selain dari mereka menyelitkan kata-kata bahasa Thai dalam pertuturan mereka, adakala mereka suka berbahasa Thai di antara mereka pada waktu tertentu.

Setengah mereka menganggap, apabila bertutur dalam bahasa Thai lebih mengangkat taraf diri mereka dari bahasa Melayu tempatan. Pengkaji telah temubual dengan beberapa remaja dan didapati mereka tidak mengenal "*Dunia Melayu*" dan mereka menganggap jumlah penutur bahasa bahasa Thai lebih besar dari bahasa Melayu. Kemungkinan mereka terpengaruh dengan pendidikan di sekolah-sekolah kerajaan masing-masing.

Contohnya beberapa kata-kata bahasa Thai yang sering disebut dalam pertuturan mereka. Kata-kata tersebut adalah seperti berikut:

**Jadual 20. Senarai kata-kata bahasa Thai dalam pertuturan harian**

Kata-kata dalam bidang pendidikan, akademi			
Khru	-	Guru	Khru Jai - Guru besar
Archan	-	Pensyarah, Guru	Vichakan - Akademi
Sob	-	Peperiksaan	Pattana - Pembangunan

Pan Rong - Tukang kebun	Vicha - Mata pelajaran
Ob Rom - Kursus	Anuyat - Kebenaran

Kata-kata dalam bidang pentadbiran, umum	
Karn Muang - Politik	Kaset - Pertanian
Kamkan - Ahli Jawatankuasa	Toeratad - TV
Sarn - Pejabat Daerah	Rong Phak - Balai Polis
Sarn Hakim - Mahkamah	Nai Amphoe - Pegawai Daerah
Tanakan - Bank	Thesban - Perbandaran

Selain dari bahasa Melayu tempatan diselitkan dengan kata-kata bahasa Thai, di Kampung Duku berlaku satu kepupusan iaitu kata-kata Diraja seperti kata-kata yang dituturkan di antara kalangan kerabat Diraja di Kota pinggir Kampung Duku dengan masyarakat setempat. Mereka tidak lagi menggunakan kata-kata Diraja. Kata-kata tersebut adalah seperti berikut:

Santap - Makan Santap	Bersiram - Mandi
Berangkat - berjalan	Beradu - Tidur
Berasa - uzur, sakit	-

Dengan kepupusan bahasa Diraja dan pertuturan bahasa Melayu yang diselitkan dengan kata-kata bahasa Thai, akhirnya ia akan menggunakan bahasa Thai secara keseluruhan meskipun sekarang pelajaran bahasa Melayu dibuka semula seluas-luasnya, namun sambutan masyarakat Melayu sendiri terhadap

bahasa Melayu dirasakan begitu dingin. Mereka mungkin beranggapan bahawa bahasa Melayu bukan bahasa rasmi dan tidak lagi penting memandangkan bahasa Thai adalah bahasa nasional.<sup>25</sup> Bagi gambaran umum penggunaan bahasa Melayu ialah penggunaan bahasa Melayu di kalangan orang tua juga menghadapi dilema dengan tidak ada ruang bagi mereka mempergunakannya sehingga menjadi canggung apabila terpaksa bercakap. Hampir semua golongan terpelajar sudah berbahasa Thai dengan fasih iaitu bahasa yang mereka gunakan dalam seminar yang diadakan. Walaupun yang menyentuh perihal kebudayaan Melayu.<sup>26</sup> Keberkesanan penggunaan bahasa Thai ini telah berlaku terhadap penduduk Melayu di beberapa tempat seperti di Wilayah Setul dan Wilayah Nakorn Sri Thammarat. Walaupun ia mempunyai beberapa faktor yang menyebabkan penduduk Melayu itu telah menerima bahasa Thai sebagai bahasa harian, tetapi salah satu dari faktor yang menjayakan dasar Siamisasi itu di Wilayah Setul ialah penekanan dan paksaan penggunaan bahasa Thai. Pongnarin Saipong telah menjelaskan faktor ini seperti berikut:<sup>27</sup>

*“ Yang menyebabkan penduduk (Melayu ) Wilayah Setul lebih banyak menggunakan bahasa Thai dari wilayah-wilayah lain dalam 4 wilayah Selatan ialah jasu baik Phraya Rasdanupradit, Pesuruhjaya Monthon Phuket dan Phraya Saman Rathurin ( Gubernur Wilayah Setul ). Kedua-dua menguruskan Pelajaran bahasa Thai dalam sekolah-sekolah dengan Menggantikan bahasa tempatan iaitu bahasa Melayu yang*

<sup>25</sup> Abu Hannan, "Sekilas tentang bahasa dan perstratan Melayu di Selatan Thailand" dalam Jendela Utara keluaran DBP, 15 Disember 2000, Muka 17

<sup>26</sup> Ismail Hussein, Sidang Pengarang Warta GAPENA, Jun 1998, Muka 3

<sup>27</sup> Pongnarin Saipong, *Thong Thai nai Phak Tai* ( Bangkok : Tawan Publishing Group, 1994 ) Muka 36

*Menjadi bahasa dasar. Kedua-dua telah melaksanakan pendidikan kepada penduduk Wilayah Setul dengan menggunakan Akta Pendidikan Sekolah Rendah tahun 1921 untuk memaksa penduduk Wilayah Setul supaya belajar bahasa Thai baik bagi pelajar lelaki ataupun perempuan sehingga penduduk Wilayah Setul menggunakan bahasa Thai dalam kehidupan harian mereka"*

Keberkesanan dasar Siamisasi ini juga turut berlaku di Wilayah Nakorn Sri Thammarat ( Negara Sri Dharmaraja ) atau Ligor pada 65 tahun yang lepas. Seperti yang telah dicatatkan oleh seorang pengembara dari Singapura yang bernama Raja Manshoor. Catatan tersebut berbunyi :<sup>28</sup>

*" Sungguhpun orang-orang Melayu yang dalam Negeri itu masih juga mengaku yang dia itu orang-orang Melayu . Tetapi jarang benar mereka itu yang pandai lagi berbahasa Melayu "*

Raja Manshoor telah mencatatkan lagi mengenai keadaan orang Melayu di wilayah tersebut dengan berbunyi :<sup>29</sup>

*" Di dalam Negeri Sri Thammarat ini ada berjumlah 10,000 orang yaitu yang berasal dari Kedah dan Setul yang dipanggil orang disini Melayu Sam Sam atau Melayu yang sudah menjadi Siam "*

Penduduk Kampung Duku juga sedang menuju ke arah seperti yang telah berlaku terhadap penduduk Melayu di Wilayah Setul dan Wilayah Nakorn Sri Thammarat . Kemungkinan di masa akan datang dasar Siamisasi ini akan berjaya secara keseluruhan seperti di Wilayah Setul dan Nakorn Sri

<sup>28</sup> Raja Manshoor , *Melawat ke Benua Siam* ( Kuala Lumpur : The Selangor Press , 1935 ) Muka 38

<sup>29</sup> *Ibid.* Muka 39

Thammarat itu .

### **Kesimpulan**

Terdapat beberapa kesan dari dasar Siamisasi melalui pendidikan seperti kerajaan telah berjaya mengubah pendidikan penduduk Melayu dari sistem pondok tradisional kepada sistem pendidikan kurikulum kerajaan. Kesan dari perubahan tersebut ialah tahap pengetahuan agama dan bahasa Melayu berada dalam keadaan merosot. Pelajar-pelajar Melayu lebih berminat menggunakan bahasa Thai dalam perhubungan mereka baik diantara mereka dan masyarakat luar. Penubuhan Sekolah Rendah Kampung Duku juga telah mempengaruhi masyarakat Melayu tempatan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan. Dengan secara langsung ia dapat memupuk semangat kesiaman semenjak kecil lagi. Dasar Siamisasi melalui pendidikan telah menyebabkan penduduk Melayu menggunakan kata-kata Thai dalam pertuturan bahasa Melayu. Begitu juga dengan kepupusan bahasa Diraja dikalangan penduduk Melayu tempatan. Mereka lebih memandang tinggi penduduk yang berpendidikan kerajaan.